

Metode Penulisan Makhraj dan Sifat Huruf Dalam Kitab Mawrid al-Zam'an

PM Dr Khairul Anuar Mohamad

Dr Ahmad Kamel Mohamed

University Sains Islam Malaysia

Abstrak

Pada hari ini banyak buku Tajwid yang berada di pasaran. Permintaan terhadap buku Tajwid adalah amat tinggi kerana ia menjadi modul kepada kelas-kelas al-Quran yang banyak dibuka di setiap kampung dan masjid. Sorotan sejarah mendapati kitab tajwid berbahasa melayu sudah lama dihasilkan oleh ulamak melayu dan antara yang sempurna penulisan dan masih diberi keutamaan ialah kitab Mawrid Zam'an. Kitab mawrid Zam'an dikarang oleh Syeikh Abdullah Muhammad Qasim Senggora diterbitkan 1315 Hijrah adalah antara kitab Tajwid yang terawal. Penulisan kitab ini meliputi kebanyakan bab ilmu tajwid. Manuskrip kitab ini dicetak oleh syarikat Khazanah Fataniah pada tahun 2004. Walaupun usia kitab ini melebihi seratus tahun tetapi sebahagian guru al-Quran masih menggunakannya dalam pengajaran Ilmu Tajwid. Kajian ini bertujuan mengenalpasti metode penulisan yang dibuat oleh Syeikh Senggora khususnya dalam bab makhraj huruf dan sifat huruf. Selain itu ia juga melihat kepada rujukan dan kaedah memberi takrif kepada istilah ilmu Tajwid. Walaupun ramai yang tidak dapat membaca kitab ini kerana kekurangan naskhah dan bahasa yang digunakan adalah laras bahasa melayu lama tetapi kajian ini mendapati kitab Mawrid al-Zam'an adalah kitab yang mempunyai kekuatan dalam menyatakan takrif istilah dalam ilmu tajwid dan menjadi rujukan dalam pengajaran oleh sebahagian guru yang mahir dengan laras bahasa kitab melayu lama.

PENDAHULUAN

Penulisan dalam ilmu Tajwid dengan bahasa melayu dimulakan oleh Syeikh Abdul Mu'ti yang meninggal pada tahun 1193 H/1779 M dengan tajuk kitabnya ialah Miratul Quran Fi Tashil M'arifati Ahkami al-Tajwid Li al-Mulki al-Wahhab. Kitab tajwid berikutnya ialah Tuhfat al-Murid ditulis oleh Muhammad Said Ibn Hasan pada tahun 1266H/1849M.

Berikutnya pada tahun 1286H/1869M penulisan tajwid dibuat oleh Aminuddin bin Nuruddin bin Husein yang diberi nama Risalah Tajwid. Pada tahun 1287 H/1870 M, seorang ulamak dari Sambas, Indonesia iaitu Syeikh Haji Mohamad Yasin bin Haji Muhammad Sa'ad Sambas menulis kitab Tajwid.

Kitab al-Mawahib al-Makkiyyah ditulis oleh Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani. Ia ditulis pada tahun 1296H/1879M. Beberapa tahun berikutnya iaitu pada tahun 1308H/1891M, Siraju al-Qari yang ditulis oleh Syeikh Muhammad Soleh bin Zainal Abidin al-Fatani pula diterbitkan. Kitab Tuhfat al-Ikhwan diterbitkan pada tahun 1311H/1893M. Pengarangnya ialah Syeikh Ismail bin Abdul Mutalib al-Asyi.⁷⁷

Selepas tujuh buah kitab tajwid ditulis dalam bahasa melayu maka pada tahun 1315H diterbitkan sebuah kitab Tajwid yang lebih sempurna perbahasanya dan lebih baik susun aturnya. Kitab tersebut ialah Mawrid al-Zhom'an Fima Yata'alaq Bi Tajwid al-Quran. Pengarang kitab ini ialah Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri. Ramai penulis berkaitan riwayat hidup Tok Senggora memberi maklumat berkaitan kehidupannya yang bermula di Fatani dan dibawa ke Makkah dalam usia enam atau tujuh tahun. Menceritakan perihal perkahwinya di usia 15 tahun dan juga menceritakan talaqqi beliau dengan ramai guru di Makkah.

Namun tidak ada yang menceritakan bahawa kitab Mawrid al-Zhom'an adalah hasil terjemahan dari satu kitab arab yang masyhur ketika itu iaitu kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid fi Tajwid al-Quran al-Majid yang dikarang oleh Syeikh Muhammad Makki Nasr al-Jarisi. Tokoh ulamak tajwid ini berasal dari Mesir. Hidup sezaman dengan Syeikh al-Mutawwali yang terkenal dengan banyak karya penulisan dalam ilmu Tajwid, Qiraat dan meninggal dunia pada tahun 1313 Hijrah. Di akhir kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid dinyatakan bahawa ia sempurna ditulis pada hari Selasa, 4 Jamadil akhir 1305Hijrah⁷⁸.

Kenyataan bahawa Mawrid al-Zhom'an adalah terjemahan Nihayah al-Qaul al-Mufid adalah kerana para penulis *Taqriz* kata-kata aluan dipermulaan kitab antaranya Syeikh

⁷⁷ Wan Mohd Shaghir Abdullah, Ibnu Syeikh Abdul Mu'ti-Penyusun Ilmu Tajwid Pertama Bahasa Melayu, Utusan Malaysia. 25/8/2012.

⁷⁸ Muhammad Makki Nasr, Nihayah al-Qaul al-Mufid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, hlmn 257.

Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani, Syeikh Ibrahim Saad al-Misri dan Syeikh al-Saruji masing-masing dalam Taqriz mereka dengan jelas menyatakan bahawa Mawrin al-Zhom'an adalah terjemahan kepada Nihayah al-Qaul al-Mufid. Dari sudut tahun selesai ditulis pula amat selari dengan kenyataan tersebut. Ia sempurna ditulis pada hari Selasa, 17 Sya'ban 1315 Hijrah iaitu sepuluh tahun selepas terbit kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid.

BIODATA DAN PENGAJIAN

Panggilan Tok Senggora adalah kerana beliau dilahirkan di Kg Senggora satu perkampungan di Patani, Thailand. Nama beliau adalah Abdullah bin Muhammad Kasim. Tahun kelahiran beliau tidak dicatat namun begitu Tok senggora dianggarkan lahir pada tahun 1850 kerana menurut beberapa pengkaji sejarah hidup Tok Senggora, beliau meninggal dunia pada tahun 1930 dalam usia hampir 80 tahun.

Semasa usianya enam atau tujuh tahun, nenek daripada sebelah ibu yang bernama Halimah telah membawa Tok Senggora ke Makkah. Di Makkah, Tok Senggora telah menggunakan masa sebaik mungkin dengan menuntut ilmu. Tok senggora amat berminat dengan ilmu dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan ilmu. Dikatakan bahawa Tok Senggora mempunyai 200 orang guru. Jika difikirkan ia tidak mustahil kerana Kota Makkah ketika itu adalah pusat pengajian Ilmu. Ramai ulamak membuat halaqah dan mengajar di Masjid Haram Makkah atau mengajar di rumah yang berhampiran dengan Masjid Haram.

Tok senggora mendalami banyak ilmu dengan guru-guru yang berkepakaran dalam bidang mereka. Guru dalam bidang Quran yang masyhur ketika itu di Makkah dan namanya ada dalam rantaian sanad Quran ialah Muhmmad al-Dirri al-Tihami. Beliau juga talaqqi dengan seorang tokoh Quran al-Muqri Ibrahim Saad al-Misri al-Makki. Beliau juga belajar dengan Syeikh Muhammad bin Hammad al-Makki yang terkenal dengan gelaran al-Saruji. Guru-gurunya di kalangan berbangsa melayu yang mengajar di Makkah ialah Syeikh Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani dan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zin al-Fatani. Ramai lagi guru-guru yang berbangsa arab, melayu serta

bangsa lain seperti afghan yang tinggal dan mengajar di Makkah ketika itu yang sempat Tok Senggora belajar dengan mereka⁷⁹.

MURID-MURID TOK SENGGORA

Ramai di kalangan penuntut ilmu yang bertalaqi dan menadah ilmu daripada Tok Senggora. Kebanyakan mereka adalah dari Kelantan, Perak, Johor dan Patani. Mereka seperti Syeikh Nuh Jamaluddin al-Kalantani, Haji Ibrahim Yusuf mufti Kelantan 1928-1941, Haji Muhammad Saman al-Rawi, Syeikh Muqri Haji Hasan al-Hafiz Ibn Ismail⁸⁰ dari Johor, Dato Haji Muhammad Nor Ibrahim Mufti Kelantan 1968-1987⁸¹. Di kalangan orang arab yang bertalaqqi dengan Tok Senggora ialah Syeikh Ahmad Hijazi⁸² dan Syeikh Ahmad Ubaid.

KITAB MAWRID AL-ZHOM'AN

Tok Senggora adalah seorang yang alim dalam ilmu berkaitan al-Quran khususnya ilmu Tajwid. Karya beliau yang dicetak dalam ilmu Tajwid ialah Mawrid al-Zhom'an Fi Ma Yat'alaq Bi Tajwid al-Quran. Makna Mawrid al-Zhom'an ialah tempat datang

⁷⁹ Ahmad Fathi al-Fatani, Ulamak Besar Dari Fatani, UKM, hlmn 84

⁸⁰ Beliau ialah Hassan Bin Ismail dilahirkan pada 11 Febuari 1916 M di kampung Lubuk Batu, Segamat, Johor. Beliau menyambung pengajian ke Makkah al-Mukarramah pada usia 10 tahun. Beliau mengambil kesempatan semasa berada di Mekah untuk menghafaz al-Quran di Masjid Haram. Pada tahun 1930 hingga 1934 Haji Hassan menyambung pengajiannya di Madrasah Dar al-Ulum ad-Diniyyah Makkah al-Mukarramah. Beliau juga sempat berguru dengan Sheikh Qurra Nusantara yang terkenal iaitu Sheikh Abdullah bin Qasim Senggoro lebih dikenali sebagai Tok Senggora. Namun, Tuan Haji Hassan bin Ismail tidak sempat untuk menyempurnakan hafazan al-Quran bersama Tok Senggora. Kemudian beliau menyambung hafazan al-Quran bersama 2 orang anak Tok Senggora iaitu Sheikh Muhammad Nur Senggora dan Sheikh Yahya Senggora.

⁸¹ Pengasas Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat yang sekarang ini dikenali dengan Darul Quran. Pengajian bermula secara rasmi pada 1 Mac 1966 di Dewan Syarahan Masjid Negara. Bermula dengan lapan orang pelajar (Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia Terbitan; 2019, Darul Quran, JAKIM hlmn 13) antaranya ialah Tan Sri Datuk Seri Syeikh Haji Ismail bin Mohamad al-Hafiz Mantan Imam Besar Masjid Negara, Dato Syeikh Solahuddin bin Omar al-Hafiz Mantan Pengetua Daru Quran dan Sohibu Samahah al-Fadhil Ustaz Zainal Abidin bin Haji Ahmad Mantan Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Terengganu.

⁸² Syeikh Ahmad Hijazi adalah syeikh Qurra di Makkah Mukarramah. Ramai yang bertalaqqi al-Quran dengan beliau di Masjid Haram Makkah. Seorang yang faqeh dan hafazannya amat baik. Karyanya ditulis dalam beberapa ilmu seperti dalam ilmu Tajwid, Qiraat dan yang terpentingnya ialah al-Qaul al-Sadid Fi Ahkam al-Tajwid. Beliau meninggal dunia pada tahun 1384 Hijrah di Makkah. (Syeikh Ahmad Hijazi al-Faqeh, al-Qaul al-Sadid, 1986, Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah, Makkah, hlmn 68.)

minum segala orang yang dahaga. Di sana terdapat beberapa kitab yang dinamakan dengan Mawrid al-Zhom'an, antaranya ialah:

Mawrid al-Zhom'an Fi Ulum al-Quran yang dikarang oleh Syeikh Sobir Hasan Muhammad Abu Sulaiman. Kitab ini dicetak pada tahun 1984/1404 Hijrah.

Mawarid al-Zhom'an li durus al-Zaman dikarang oleh Abdul Aziz Muhamad al-Salman. Kitab enam jilid ini tidak dijual di pasaran kerana penulisnya mewaafkan. Cetakan yang ke 30 adalah pada tahun 2004. Kitab ini boleh didapati secara PDF di al-Maktabah al-Waqfiyyah.

Mawrid al-Zhom'an Arba'un Hadithan. Dikarang oleh Muhibbuddin Ali Ibn Mahmud Ibn Taqi al-Misri. Kitab dalam bentuk PDF ini berada dalam laman web al-Alukah bermula pada 10 april 2021.

Mawrid al-Zhom'an Fi Rasm huruf al-Quran. Kitab dalam bentuk bait syair ini dikarang oleh al-Muqri Muhammad Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Syarisyi al-Kharraz. Beliau meninggal dunia pada tahun 718 Hijrah⁸³.

Jika dilihat kepada nama-nama kitab yang dinyatakan di atas nama Mawrid al-Zhom'an ada yang ditulis dalam bidang ulum al-Quran, hadith, sejarah dan ada juga yang ditulis dalam bidang rasm al-Quran. Dari sudut tarikh pula yang terawal menulis nama Mawrid al-Zhom'an ialah al-Muqri Muhammad Ibn Muhammad Ibn Ibrahim al-Syarisyi yang terkenal dengan al-Kharraz di mana beliau meninggal pada tahun 718 hijrah. Manakala Mawrid al-Zhom'an yang dikarang oleh Tok Senggora sebagaimana terdapat di akhir kitab, siap ditulis pada 1315Hijrah.

MUQADIMMAH MAWRID AL-ZHOM'AN

Di permulaan kitab Mawrid al-Zhom'an terdapat lima kata-kata aluan yang ditulis oleh ulamak terkenal pada zaman Tok Senggora. Dalam kata-kata aluan tersebut mereka memuji kealiman Tok Senggora dan memuji usahanya yang menulis kitab Mawrid al-Zhom'an.

⁸³ Wan Mohd Shaghir Abdullah, Ibnu Syeikh Abdul Mu'ti-Penyusun Ilmu Tajwid Pertama Bahasa Melayu, Utusan Malaysia. 25/8/2012

Kata-kata Aluan Syeikh Ahmad Fatani

Permulaan kata-kata aluan adalah daripada Syeikh Ahmad Ibn Muhammad Zain Ibn Mustafa al-Fatani⁸⁴. Kata-kata aluan beliau ditulis dalam bahasa arab, antaranya adalah seperti berikut:

يقول المرحوم إلى فيض الله تعالى الإحساني أحمد بن محمد زين بن مصطفى الفطاني: فقد اطلعت على هذا الكتاب المستطاب فوجدته سفرا فريدا في عمله ممتلىء الوطاب جاء بالكثير من علوم تجويد القرآن يرتوي من مورده العذب كل ظمان مشتملا على فرائد الفوائد كافلا لمهمات الشوارد والعوائد فهو جدير بأن يكون تحفة للطالين وقرّة لعيون المحبين.⁸⁵

Berkata Syeikh Ahmad Ibn Mohammad Zain Ibn Mustafa al-Fatani: sesungguhnya aku telah melihat buku yang amat baik ini dan aku mendapati kandungannya amat baik dan istimewa dalam bidangnya. Dipenuhi dengan banyak perkara yang memberi manfaat. Kandungannya adalah berkaitan ilmu Tajwid al-Quran. Boleh menghilangkan dahaga dari tempat minumnya yang selesa kepada semua mereka yang dahaga ilmu ini. Mengandungi maklumat yang bermanfaat, mencukupi perkara penting yang ada dalam ilmu ini. Justeru ia amat baik jika dihadiahkan kepada penuntut ilmu dan menjadi buah hati kepada yang menyangi ilmu ini.

Kata-Kata Aluan Syeikh Ibrahim Saad Al-Misri Al-Makki

Kata-kata aluan kedua ialah daripada Syeikh Ibrahim Saad al-Misri al-Makki⁸⁶. Mengikut catatan sebelum kata aluannya,. Beliau menyatakan:

⁸⁴ Sheikh Wan Ahmad Al-Fathani dilahirkan pada 1272H/1856M di Patani, Thailand. Sheikh Wan Ahmad Al-Fathani merupakan ulama Mekah berketurunan Melayu. Antara ulama Mekah menjadi guru beliau ialah Ahmad Zaini bin Dahlan, Sayyid Hussein Al-Habsyi, Sayyid Abu Bakri Syatha, Sheikh Ahmad Ad-Dandarawi, Wan 'Ali Kutan Al-Kalantani dan ramai lagi. Karyanya dalam Bahasa Melayu, antaranya ialah Faridah Al-Faraid fi 'ilmi Al-'Aqid, Fatawa Al-Fathaniyah, Ilmu Isti'arah dan banyak lagi. Beliau meninggal dunia pada 1325H/1908M. Jenazah Almarhum dikuburkan di Perkuburan Ma'la, Mekah. <https://dauraharamain.com/2018/03/02/sheikh-wan-ahmad-al-fathani-ulama-mekah>.

⁸⁵ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 1.

⁸⁶ Syeikh Ibrahim Saad al-Misri adalah seorang alim yang luas ilmunya dan digelar sebagai al-Muqri al-Dabit al-Mutamakin dengan maksud seorang guru Quran yang amat mengingati dan berkebolehan.

وبعد فيقول الفقير إبراهيم سعد المصري وطنا والمكي اقامة الشافعي مذهبا الخلوقي مشربا إني اطلعت على الكتاب المسمى مورد الظمان الذي جمعه الأديب الأريب الجهبذي اللبيب فخر فقهاء مكة والجاوات أخونا الشيخ عبد الله السنقوري وجعله ترجمة من نهاية القول المفيد الذي ما عليه في هذا الفن أعني التجويد من مزيد الذي هو تأليف صاحب الأوقات والأيام المأنوسة أخينا الشيخ محمد نصر مكّي القراء بمصر المحروسة

وقد لخص ما فيه من الأحكام والأمثلة والتنبيهات بحسب اختلاف لغاتهم التي هي من أعجم اللغات ساد بذلك على سائر الجاوات اذ يعجز عن ذلك أفصحهم وأكثرهم علما وأرجحهم كيف لا وموضوعه القرآن المجيد الذي هو تنزيل من حكيم حميد فيجب على كل من اطلع عليه من الجاوات قبوله والعمل بجميع ما فيه موصوله ومفصولة ورسومه منقوله فإنه لحسن معانيه صار كالشمس المنير أو روضة مستنيره حروفه كاللؤلؤ والمرجان فصار نهره بروي من مورده كل ظمان اذ هو من أصل الكتاب المكنون وفي ذلك فليتنافس المتنافسون.⁸⁷

Berkata Ibrahim Saad al-Misri berasal dari Mesir dan menetap di Makkah, bermazhab Syafei. Sesungguhnya aku telah melihat kitab yang diberi nama dengan Mawrid al-Zhom'an yang dikaryakan oleh pakar dalam sastera, bahasa, cerdik lagi pandai, menjadi kebanggaan fuqaha Makkah dan negeri Tanah melayu, saudara kami Syeikh Abdullah al-Sanquri yang telah menterjemah dari kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid yang dikarang oleh sahabat kami Syeikh Muhammad Nasr Makki. Yang merupakan ketua Qura di Negara Mesir. Beliau telah meringkaskan hukum hakam dan contoh berkaitan serta perkara penting dalam ilmu berkenaan mengikut kesesuaian perbezaan bahasa yang merupakan bahasa asing iaitu bahasa melayu yang menjadi bahasa di kepulauan melayu. Penterjemahan ini tidak mampu dilakukan kecuali orang yang paling fasih percakapan di kalangan mereka, paling alim ilmu mereka dan paling pintar akal mereka. Ini kerana tajuk yang hendak dibicarakan adalah berkaitan al-Quran yang mulia yang diturunkan daripada Yang Maha Bijaksana dan Yang Maha Terpuji. Maka wajib bagi sesiapa yang ingin membacanya di kalangan orang melayu menerimanya dan beramal dengan semua kandungannya samada yang berkaitan mausul atau mafsul, tulisan dan penaqalanya

⁸⁷ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 1.

kerana ia maknanya yang baik seumpama matahari yang bersinar atau taman yang bercahaya. Huruf-hurunya seumpama Mutiara maka jadilah air sungainya tempat minum semua yang dahaga. Ketahuilah bahawa ilmu Tajwid ini adalah kaitan yang kuat dengan kitab al-Quran. Bagi memperolehi nikmat kesenangan hendaklah berlumba-lumba merebut kelebihan dan kesenangan.

Kata-kata aluan Syeikh Muhammad Ibn Hamid al-Makki

Kata-kata aluan ketiga ialah Syeikh Muhammad Ibn Hamid al-Makki yang terkenal dengan panggilan al-Suruji. Beliau menyatakan dalam tulisan tersebut dengan kata-kata:

أما بعد، فإنني قد وقفت على هذا الكتاب المسمى مورد الظمان المترجم لنهاية القول المفيد الذي سارت بذكره الركبان فوجدته في غاية البيان تفهم عبارته بأدنى امعان قد حاز من البلاغة الغاية وبلغ في الفصاحة النهاية كيف لا وهو لنخبة الفضلاء وعمدة النبلاء الأديب الكامل المشهور بحسن الأخلاق والشمائل الشيخ عبد الله السنقورا لزال سعيه مشكورا متعنا الله بحياته وأعانته على طاعته ومرضاته وقد قلت فيه على قدر قريحتي القاصرة:

هذا كتاب أفرغت ألفاظه في قالب الاحكام والالتقان

سهل العبارة واضح ومهذب في فنه أضحي عظيم الشأن

جادت به أفكار ذي الفضل الذي فاقت مزاياه على الاقران

الشهم عبد الله ذاك المرتقى أوج الكمال بسلم العرفان

فاحرص أخي على مترجمه الذي في غاية الایجاز والتبيان

لما انتهى في الحسن قلت مؤرخا طبي دوايا مورد الظمان⁸⁸

Sesungguhnya aku telah melihat kitab ini yang dinamakan dengan Mawrid al-Zhom'an yang diterjemahkan dari kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid. Kitab tersebut menjadi sebutan ramai pada masa ini. Aku mendapati terjemahan ini amat baik keterangannya, susunan ayatnya difahami dengan mudah, penyampaiannya amat baik dan kefasihan amat cantik.

⁸⁸ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, Khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 2.

Kenapa tidak? Sedangkan ia dilakukan oleh seorang yang mempunyai banyak kelebihan, orang yang terbaik, bijak dalam satera, terkenal dengan akhlak yang baik, beliau adalah Syeikh Abdullah al-Sanqura. Beliau sentiasa lakukan usaha yang patut diberi tahniah. Semoga Allah mengurniakan kebaikan kepada kita dengan sebab hidupnya, semoga Allah menolongnya dalam ketaatan dan keredhaanya. Aku berkata terhadap tulisanya ini:

Kitab ini aku telah sempurna lihat lafaznya berkaitan hukum hakam secara teliti
Senang susun aturnya dan terang huraian dalam bidangnya menjadi utama.
Ideanya segar mempunyai kelebihan yang istimewanya mengatasi segala rakan
Dijayakan oleh Syeikh Abdullah yang tinggi kesempurnaan dengan pengetahuan
Maka pelajarilah kamu yang telah diterjemah dalam bentuk yang ringkas dan jelas
Amat tinggi kebbaikanya. Aku berkata Tarikh 21, 22, 250, 1022 berjumlah 1315 Hijrah

Dua kata-kata aluan di atas dapat disimpulkan bahawa penulis kitab Mawrid al-Zhom'an iaitu Syeikh Abdullah Sanqura atau dikenali dengan Tok Senggora merupakan seorang yang mempunyai ilmu yang luas khasnya dalam bidang Tajwid. Syeikh Ahmad bin Muhamamd Zain al-Fatani telah memuji kealiman Tok Senggora. Begitu juga dengan Syeikh Ibrahim Saad al-Misri dan Syeikh al-Saruji. Mereka juga menyatakan bahawa kitab Mawrid al-Zhom'an adalah terjemahan dari kitab arab yang bertajuk Nihayah al-Qaul al-Mufid yang dikarang oleh Syiekh Muhammad Makki Nasr.

METODE TERJEMAH DAN PENULISAN

Tok Senggora telah menterjemah kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid dengan tepat dan menggunakan bahasa yang jelas. Sebagai contoh terjemahanya berkaitan hakikat ilmu Tajwid seperti berikut:

وأما حقيقة التجويد: فأعطاء كل حرفي حقه؛ أي من كل صفة ثابتة له من الصفات الآتية ومستحقه بفتح الحاء:

أي ما ينشأ عن تلك الصفات؛ كترقيق المستقل، وتفخيم المستغلي، ونحوهما، مع بلوغ الغاية والنهية في إتقان

الحروف وتحسينها وخلوها من الزيادة والنقص، وبراءتها من الرداءة في النطق، والإدمان في تحرير مخارجها وبيان صفتها؛ بحيث يصير ذلك للقارئ سجية وطبيعة، سواء كانت تلك الحروف أصلية أو فرعية مركبة أو مفردة، فإذا لم يعط القارئ الحروف حقها ومستحقها ربما تغير مدلول الكلمة، وهم منها معنى آخر نحو قوله ﴿وَعَصَى﴾ [طه: الآية ١٢١] وغيرها و﴿مَحْظُورًا﴾ [الإسراء: الآية ٢٠] فإنه إذا لم يعط كلا من الصاد المهملة والطاء المشالة حقه من الاستعلاء والإطباق صارت الصاد المهملة سينا والطاء المشالة ذالا معجمة ويصير اللفظ ((عسى)) و ((محدورا))!⁸⁹

Dan adapun hakikatnya maka itu diberikan tiap-tiap huruf itu akan sekalian huquqnya daripada setengah yang lazim yang lagi akan datang sebutannya dan mustahaknya iaitu barang yang jadi ia daripada demikian itu sifat seperti menifis akan yang mustafil dan menebalkan yang musta'la dan seumpama keduanya serta disampai akan ghayahnya nihayahnya pada menunaikan segala huruf dan mengelakkan dia dan sunyikan dia daripada lebih dan kurang dan memeliharakan dia daripada ridah keji-keji pada lafaznya dan mengekalkan pada menghuraikan segala makhrajnya dan menyatakan segala sifatnya dan sekira-kira jadilah yang demikian itu tabiat bagi qari samada demikian huruf itu asliah atau far'iah murakkabah atau mufarradah maka apabila tiada memberi oleh akan segala qari akan segala huruf akan haknya dan mustahaknya barangkali berubah makna kalimah dan difaham daripadanya makna yang lain seperti firmanNya Taala (عصى) dan (مَحْظُورًا) maka bahawasanya tiada memberikan tiap - tiap daripada sad dan zha itu akan haknya daripada isti'la dan itbaq maka jadilah sad itu sin dan zha itu zal jadi lafaznya عسى dan محدورا⁹⁰.

Makhraj Huruf

⁸⁹ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 14.

⁹⁰ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 14.

Dalam kitab Nihayah al-Qaul al-Mufid dihuraikan makhraj huruf dalam bab yang pertama dan dibahagikan kepada tiga fasal iaitu: Fasal Pertama takrif makhraj, kaifiyyah, takrif huruf, bilangan dan pembahagian harakat kepada asliyyah dan far'iyah.

Berikut adalah perbahasan berkenaan perbezaan bilangan makhraj huruf dikalangan ulamak:

اعلم أن المخارج اختلف العلماء فيها على ثلاثة أقوال: فذهب الخليل بن أحمد وأكثر النحويين وأكثر القراء ومنهم ابن الجزري إلى أنها سبعة عشر مخرجًا، وذهب سيبويه ومن تابعه ومنهم الشاطبي إلى أنها ستة عشر مخرجًا، وذهب قطرب والجرمي وابن كيسان وابن زياد الفراء إلى أنها أربعة عشر مخرجًا. أما من جعلها سبعة عشر فجعل في الجوف مخرجًا، وفي الحلق ثلاثة مخارج، وفي اللسان عشرة، وفي الشفتين اثنين، وفي الخيشوم واحدًا. ومن جعلها ستة عشر أسقط الجوف وفرّق حروفه، فجعل الألف من أقصى الحلق، والياء من وسط اللسان، والواو من الشفتين. ومن جعلها أربعة عشر أسقط الجوف كسيبويه، وجعل مخارج اللسان ثمانية يجعل مخرج اللام والنون والراء مخرجًا واحدًا أي كليًا منقسمًا إلى ثلاثة مخارج جزئية. وأنا أتبع في هذه الرسالة إن شاء الله تعالى مذهب الخليل بن أحمد تبعًا لابن الجزري قدس الله سرّه السري.⁹¹

(Ketahui olehmu) bahawasanya segala makhraj huruf itu bersila-silahan ulama padanya atas tiga qaul maka menjalani oleh Khalil bin Ahmad dan kebanyakan ulama nahu dan kebanyakan qurra' dan setengah daripada mereka itu Ibnu Al Jazari kepada bahawasanya tujuh belas makhraj dan menjalani oleh Sibaweh dan mereka yang mengikut akan dia dan setengah daripada mereka itu As Syatibi kepada bahawasanya enam belas makhraj dan menjalani oleh Qutrib dan Jurmi dan Ibnu Kaysan dan Ibnu Ziyadul Qura' kepada bahawasanya empat belas makhraj adapun mereka yang menjadikan dia tujuh belas maka menjadi ia pada rongga itu satu makhraj dan pada halkum tiga makhraj dan pada lidah sepuluh makhraj dan pada dua bibir dua makhraj dan pada batang hidung satu makhraj dan mereka yang menjadikan dia enam belas megugur ia akan rongga dan membahagi akan segala hurufnya maka menjadi akan alif itu daripada aqsal halqi yakni akhir halkum dan ba' daripada

⁹¹ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 35.

wastal lisan yakni tengah lidah dan wau daripada dua bibir dan mereka yang menjadikan dia empat belas itu megugur ia akan rongga seperti Sibaweh dan menjadikan segala makhraj lidah itu lapan dengan dijadikan makhraj lam dan nun dan ra' itu akan makhraj yang satu ertinya makhraj yang kulli yang terbahagi ia kepada tiga makhraj yang juz'ie dan aku ikut pada ini risalah in shaa Allah Taala akan mazhab Khalil bin Ahmad karena mengikut bagi Ibnu Al Jazari Qaddasallahu taala surrihul siri⁹².

Semua makhraj huruf yang berjumlah 17 makhraj dihuraikan dengan mengambil kira pandangan ulamak seperti pendapat Imam Ibn al-Jazari dan pendapat al-Mulla Ali al-Qari yang mensyarah matn Muqadimah al-Jazariyyah. Sebagai contoh makhraj yang ketujuh ialah tengah lidah tempat makhraj huruf jim, syin dan ya:

المخرج السابع ما بين وسط اللسان وما يحاذيه من الحنك الأعلى: ويخرج منه ثلاثة أحرف: الجيم، فالشين، فالياء التحتية غير المدية، وهذا ترتيب الشاطبي وابن الجزري. وفي شرح الملا علي: قدّم في الرعاية الشين على الجيم وهو رأي المهدي.⁹³

(bermula makhraj yang ketujuh) iaitu barang yang antara tengah lidah dan barang yang membetuli akan dia daripada langit-langit dan keluar daripadanya tiga huruf iaitu jim dan syin dan ya' yang bukan mad dan inilah tertib Syatibi dan Ibnu Al Jazari dan pada syarah Al Mala Ali didahulukan pada rakyat akan syin atas jim dan iaitulah mazhab Al Mahdawi⁹⁴

Huraian dalam bab makhraj huruf, penulis banyak mengambil pendapat ulamak tajwid terdahulu seperti pendapat al-Mar'asyi, Abu Syamah dan Abu Amru al-Dani.

قال المرعشي: ترتيب المخارج بحسب حكم الطبع المستقيم خاليا عن التكلف كما قاله أبو شامة نقلا عن الداني رحمه الله تعالى». فاختلف علماء الأداء في ترتيب في حكم الطبع المستقيم، والمراد من الياء هنا الياء غير المدية كما تقدم،

⁹² Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 29.

⁹³ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 37.

⁹⁴ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 31.

وتسمى هذه الحروف الثلاثة شجرية لخروجها من شجر الفم بسكون الجيم وهو منفتح ما بين اللحين، وقيل هو ما بين وسط اللسان وما يقابله من الحنك الأعلى.⁹⁵

Kata Mar'asyi bermula tertib segala makhraj itu dengan sekira-kira hukum thobiah yang mustaqimah yang sunyi daripada memberati seperti barang yang mengatakan dia oleh Abu Samah menaqal daripada Ad Dani rahimatullahitaala maka bermula bersila-silahan ulama Al Ada' pada tertib segala makhraj itu iaitu bersila-silahan pada hukum thobiah yang mustaqimah (dan bermula) dikehendaki daripada ya' di sini yang bukan mad seperti barang yang terdahulu dan dinamakan segala huruf yang tiga ini syajariah kerana keluar ia daripada syajar mulut dan iaitu yang terbuka barang yang antara dua tulang dagu dan kata qila iaitu barang yang antara tengah lidah dan barang yang membetul akan dia daripada langit-langit⁹⁶.

SIFAT HURUF

Metode penulisan tajwid yang dikemukakan oleh Imam Ibn al-Jazari melalui kitabnya Muqadimmah al-Jazariyyah memulakan bab dalam ilmu tajwid dengan bab makharij al-Huruf dan diikuti dengan bab sifat huruf. Dalam bab sifat huruf dibahagikan kepada lima fasal: Pertama: huraian berkaitan makna sifat dan faedah mengenali sifat. Kedua: bilangan sifat. Ketiga: huruf yang bersamaan pada sifat. Keempat: Sifat kuat dan sifat lemah dan kelima: pembahagian sifat mengikut tertib makhraj huruf.

ثم اعلم أن لهد الصفات ثلاث فوائد:

(kemudian ketahui olehmu) bahawasanya bagi segala sifat itu tiga faedah (bermula)

الفائدة الأولى: تميّز الحروف المشتركة في المخرج. قال ابن الجزري: كل حرف شارك غيره في مخرج فإنه لا يمتاز عنه إلا بالصفات، وكل حرف شارك غيره في صفات فإنه لا يمتاز عنه إلا بالمخرج، ولولا ذلك لالتحّدت أصوات الحروف في السمع، فكانت كأصوات البهائم لا تدل على معنى، ولما تميّزت ذواتها، وهذا معنى قول المازني: إذا همست وجهرت

⁹⁵ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut Hlmn 37.

⁹⁶ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyyah, hlmn 31.

وأطبقت وفتحت اختلفت أصوات الحروف التي من مخرج واحد. وقال الرماني وغيره: لولا الإطباق، لصارت الطاء

دالاً؛ لأنه ليس بينهما فرق إلا الإطباق، ولصارت الظاء ذالاً، ولصارت الصاد سيناً.⁹⁷

Faedah yang pertama iaitu membezakan segala huruf yang bersekutu pada makhraj kata Ibnu Al Jazari bermula tiap-tiap huruf itu bersekutu ia akan yang lainnya pada makhraj maka bahawasanya tiada dibezakan dia daripadanya melainkan dengan sifat dan tiap-tiap huruf itu bersekutu ia akan yang lainnya pada sifat maka bahawasanya tiada dibezakan dia daripadanya melainkan dengan makhraj dan jikalau tiada demikian itu nescaya bersatu segala suara huruf itu pada pendengaran maka adalah ia seperti suara binatang jua yang tiada menunjuk ia atas suatu makna dan nescaya tiada terbeza zatnya dan inilah makna perkataan Al Mazani apabila engkau hamaskan dan jaharkan dan itbaqkan dan qanahkan nescaya bersalah-salahan suara segala huruf yang ada ia pada makhraj yang satu dan kata ar rumani dan lainnya jikalau tiada itbaq pada tho' nescaya jadilah ia dhal kerana bahawasanya tiada antara keduanya farqu melainkan itbaq jua dan nescaya jadilah zho' itu dzal dan shad itu sin.⁹⁸

الفائدة الثانية: معرفة القوي من الضعيف ليُعلم ما يجوز أن يُدغم وما لا يجوز؛ فإن ما له قوة ومزية على غيره لا يجوز

أن يدغم في ذلك الغير لئلا تذهب تلك المزية كما سيأتي بيان ذلك في محله إن شاء الله تعالى.⁹⁹

(bermula faedah yang kedua) iaitu mengetahuikan yang kuat daripada yang daif supaya ketahuikan barang yang harus bahawa diidghamkan dia dan barang yang tiada harusnya kerana bahawasanya tiap-tiap huruf yang ada baginya kuat dan kelebihan atas yang lainnya tiada harus diidghamkan dia pada demikian itu huruf yang lain supaya jangan hilang demikian itu kelebihan seperti barang yang lagi akan datang kenyataan yang demikian itu pada tempatnya In Shaa Allah Taala.¹⁰⁰

⁹⁷ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 45.

⁹⁸ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyah, hlmn 37.

⁹⁹ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 45.

¹⁰⁰ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyah, Hlmn 38.

الفائدة الثالثة: تحسين لفظ الحروف المختلفة المخارج؛ فقد اتضح لك بهذا أن ثمرات معرفة الصفات التمييزية والتحسين

ومعرفة القوة والضعف؛ فسبحان من دقت في كل شيء حكمته.¹⁰¹

(bermula faedah yang ketiga) iaitu meelokkan lafaz huruf yang bersalah-salahan makhrajnya maka sesungguhnya telah nyata bagi engkau dengan ini bahawasanya faedah mengetahui segala sifat itu membezakan antara segala huruf dan meelokkan dia dan mengetahui yang kuat dan yang dhaif nescaya¹⁰² من دقت في كل شيء حكمته

لطيفة: رُوِيَ أن الإمام أبا حنيفة - رحمه الله تعالى - ناظرَ معتزليًا فقال له: قل: باء، فقال: باء، فقال: قل: جاء،

فقال: جاء، فقال: بين مخرجيهما، فبيَّنهما، فقال إن كنتَ خالفاً فإفعلك فأخرج الباءَ من مخرج الحاءِ، فبُهِتَ المعتزلي

وانصرف. [انتهى . شرح الملا علي].¹⁰³

(latifah) diriwayatkan bahawasa imam Abi Hanifah rahimahullahutaala berhajat ia akan seorang muktazilah maka berkata ia baginya berkata olehmu ba' maka berkata ia ba' maka berkata ia kata olehmu ha' maka berkata ia nyatakan olehmu akan makhraj keduanya maka menyatakan keduanya maka ia akan seorang muktazilah maka berkata ia baginya berkata olehmu ba' maka berkata ia ba' maka berkata ia kata olehmu ha' maka berkata ia nyatakan olehmu akan makhraj keduanya maka menyatakan keduanya maka berkata abu hanifah jika adalah engkau yang menjadikan perbuatan engkau maka keluar olehmu akan ba' itu daripada makhraj ha' maka tercenganglah muktazilah dan pergi ia.¹⁰⁴

SIFAT JAHR

الصفة الأولى: الجهر: ومعناه لغة: الإعلان والإظهار، وفي القول: إعلاء الصوت به، واصطلاحاً: انخباس جري

النفس عند النطق بالحرف لقوته وذلك من قوة الاعتماد على مخرجه. وحروفه تسعة عشر حرفاً جمعها بعضهم في

¹⁰¹ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut Hlmn 45.

¹⁰² Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyah, hlmn 38.

¹⁰³ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 45.

¹⁰⁴ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyah, Hlmn 38.

كلمات وهي (عظم وزن قارىء ذي غض جد طلب) أي رجع ميزان قاريء ذي غض للبصر اجتهد في الطلب. قال المرعشي: وهذه الحروف لقوتها في نفسها وقوة الاعتماد عليها في موضع خروجها لا تخرج إلا بصوت قوي شديد تمنع النفس من الجري معها، وبهذا الاعتبار سُميت مجهورة، وهي ما عدا حروف الهمس الآتي ذكرها، وبعضها أقوى من بعض في الجهر على قدر ما في الحرف من صفات القوة؛ فالطاء أقوى من الدال، وإن اشتركتا في قوة الجهر؛ لانفراد الطاء بالإطباق والاستعلاء والتفخيم. وسيأتي بيان ذلك في محله.¹⁰⁵ (bermula) sifat yang pertama jahar dan maknanya pada lughah iaitu mezhahirkan dan pada perkataan iaitu meninggikan suara dengan dia dan pada istilah iaitu terhabis berlari nafas tatkala berlafaz dengan huruf kerana kuatnya dan bermula yang demikian itu daripada kuat bersandar atas makhrajnya dan segala hurufnya sembilan belas huruf menghimpunkan dia oleh setengah mereka itu pada beberapa kalimah dan kata Mar'asyi dan bermula ini segala huruf kerana (عظم وزن قارىء ذي غض جد طلب) iaitu kuatnya pada dirinya dan kuat bersandar atasnya pada tempat keluarnya tiada keluar ia melainkan dengan suara yang kuat lagi syadid yang meneguhkan nafas daripada berlari sertanya dan dengan ini iktibar dinamakan dia majhurah dan iaitu barang yang lain daripada segala huruf mahmus yang lain lagi akan datang sebutnya dan setengahnya terlebih kuat daripada setengah pada jahar atas kadar barang yang pada huruf itu daripada segala sifat kuat maka bermula tho' itu terlebih kuat daripada dhal jika bersekutu keduanya pada kuat jahar sekalipun kerana terasing tho' dengan itbaq dan istila' dan tafkhim dan lagi akan datang kenyataan yang demikian itu pada tempatnya.¹⁰⁶

Kesimpulan:

Sumbangan Tok Senggoran dalam Ilmu Tajwid adalah amat besar dengan menghasilkan buku Marid al-Zom'an. Buku ini diterjemahkan dari satu kitab arab yang masyhur ketika itu iaitu Nihayat al-Qaul al-Mufid. Kitab nihayah adalah kitab yang paling lengkap ketika itu perbahasan berkaitan buku tajwid. Dipermulaanya, penulis Syeikh Makki Nasr menyatakan telah melakukan rujukan kepada 24 kitab tajwid yang

¹⁰⁵ Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, Hlmn 47.

¹⁰⁶ Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an, 2004, khazanah al-Fathoniyah, hlmn 39.

masyhur dan diterima ramai. Tujuh darinya ialah syarah kepada kitab Muqadimah jazariah seumpama Syarah al-Mulla Ali al-Qari, Syarah al-Maqdisi, Syarah Ibn Ghazi, Syarah al-Qastalani dan lain-lain.

Metode terjemahan yang dikemukakan oleh Tok Senggora adalah amat tepat dengan nas dalam kitab Nihayah. Ini diakui oleh ulamak yang memberi kata aluan di permulaan kitan mawrid al-Zom'an. Ini memberi petunjuk bahawa Tok Senggora mempunyai ilmu yang luas dalam ilmu tajwid dan juga ilmu berkaitan bahasa arab. umumnya mengetahui bahawa terjemahan istilah tajwid tidak lah mudah sebagaimana yang disangkakan. Semua kalimah yang digunakan untuk huraian istilah adalah bersifat jami' dan mani'. Lengkap dan sempurna mencangkupi semua perkara yang diisyaratkan.

Sumbangan yang besar ini sepatutnya dibuat kajian dan pengajian oleh umat islam mutakhir ini kerana ia adalh sebahagian khazanah ilmu yang ditinggalkan oleh ulamak melayu pada zaman terdahulu. Semoaga kajian in memberi ruang yang luas kepada pengkaji selepas ini dalam memperkasakan ilmu al-Quran di era mutakhir ini.

RUJUKAN

Ahmad Fathi al-Fatani, Ulamak Besar Dari Fatani, 2007, Cetakan Pertama, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.UKM.

Syeikh Abdullah Ibn Muhammad Qasim al-Sanquri, Mawrid al-Zhom'an Fi Ma Yat'alaqu Bi Tajwid al-Quran, 2004, Pentashih: Haji Wan Mohd Saghir bin Haji Wan Abdullah, Kuala Lumpur:khazanah al-Fathoniyah.

Muhammad Makki Nasr al-Jarisi, Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, 2003, Cetakan Pertama, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Syeikh Ahmad Hijazi al-Faqeh, al-Qaul al-Sadid, 1986, Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah, Makkah.

Hassan bin Ismail. Penyelidikan Berkenaan Dengan Kitab-Kitab Tajwid Bahasa Melayu dan Qiraat. 1959 Majalah: Warta Jabatan Agama Johor. Bil. 111.

Abd Mutalib Abd Rahim. Tuan Haji Hasan bin Ismail: Sumbangnya Terhadap Pengajian Al-Quran di Johor. 2008, Kuala Lumpur: UM, Akademi Pengajian Islam.

Kaedah Hafazan al-Quran Model Malaysia Terbitan; 2019, Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM.

Wan Mohd Shaghir Abdullah, Ibnu Syeikh Abdul Mu'ti-Penyusun Ilmu Tajwid Pertama Bahasa Melayu, Utusan Malaysia. 25/8/2012.